

KENYATAAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Dassault Aviation:
Nathalie Bakhos, Export Communication
Emel: nathalie.bakhos@dassault-aviation.fr

Johor Miliki Potensi Hebat untuk Lebih Banyak Kerjasama Perniagaan dengan Rafale

- *Pembangunan modal insan dan peluang-peluang kerjasama teras fokus program Rafale International di Malaysia*
- *Rafale International meluaskan Rangkaian Kecemerlangan di Malaysia*

Johor, 8 Julai 2013 – Rafale International, SME Corp. Malaysia dan Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia Perancis (MFCCI) mengadakan Seminar Rafale Untuk Malaysia: Peluang-peluang Perniagaan hari ini, dihadiri kira kira 100 peserta daripada pelbagai industri.

Dihoskan oleh Rafale International bagi syarikat-syarikat di selatan Semenanjung Malaysia, seminar ini berkongsi maklumat mengenai perkongsian kerjasama luas yang ditawarkan oleh kumpulan syarikat usahasama yang membangunkan pesawat pejuang pelbagai peranan yang telah terbukti di medan perang, Rafale. Acara perniagaan tersebut adalah susulan daripada kejayaan seminar yang dianjurkan bersama dengan SME Corp. Malaysia di Kuala Lumpur pada Januari 2013 yang dihadiri lebih daripada 120 peserta tempatan.

Pengarah Program Rafale Malaysia, Daniel Fremont berkata, “Sejak bertahun-tahun, Rafale International menerusi syarikat-syarikat usahasama kami, telah berjaya membina hubungan teguh di Malaysia. Kami menawarkan pakej lengkap dan menyeluruh merangkumi modal insan, perisian dan sistem, kerjasama teknologi dan sokongan kepada rakan kongsi Malaysia termasuk syarikat-syarikat SME. Terdapat hubungan yang tidak boleh dinafikan antara pembangunan ekonomi dan pembangunan masyarakat. Kami mahu menyumbang kepada perniagaan Malaysia dengan meningkatkan lagi pembangunan insan, terutamanya.”

“Dengan meningkatkan proses pembangunan, kami amat gembira untuk berkongsi kemahiran dan pengetahuan dengan rakyat Malaysia, termasuk reka bentuk komponen, pembuatan komposit, integrasi sistem dan bidang serta aktiviti-aktiviti lain.”

Di majlis yang sama, Dassault Aviation, pengeluar Rafale, pesawat pejuang pelbagai keupayaan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Sri Jentayu untuk pembangunan bersama industri komposit hijau (green composite) yang maju di Malaysia. Ketiga-tiga pihak akan memainkan peranan aktif dalam memperkaya dan menyokong pembangunan industri komposit hijau yang maju (Advanced Green Composite) di Malaysia. Ini juga akan memberi peluang untuk pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan yang boleh melibatkan pelbagai rakan kongsi dari Perancis dan Malaysia.

Dengan pembangunan modal insan merupakan satu teras fokus program Rafale International di Malaysia, kumpulan syarikat ini menjalin kerjasama dengan sebilangan institusi pendidikan tinggi tempatan. Antara yang telah menjalin kerjasama dengan Rafale International ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan institusi-institusi MARA.

Rafale International mahu menjalin lebih banyak perkongsian dengan syarikat-syarikat tempatan bagi menambah kerjasama yang sedia ada dengan pertubuhan-pertubuhan di Malaysia. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk membesarkan Rangkaian Kecemerlangan Rafale yang pada masa ini merangkumi syarikat seperti Strand Aerospace, institusi-institusi MARA, Composites Technology Research Malaysia (CTRM) dan anak syarikatnya, Zetro Aerospace, serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Kumpulan Kerajaan-Industri Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan SME Corp. Malaysia.

Antara tokoh yang berucap pada majlis itu ialah wakil dari Medini Iskandar Malaysia yang berkongsi mengenai pelan pembangunan di salah satu daripada zon utama Iskandar Malaysia, contohnya Nusajaya. Kluster-kluster yang berbeza dan peluang syarikat tempatan dan asing juga turut dibentangkan.

Pada seminar tersebut, para peserta mendengar testimoni hubungan kerjasama antara syarikat Malaysia dengan Perancis. Veolia Environment, Dassault Systemes dan Technip membicarakan mengenai pelbagai kapasiti kerjasama dengan Rafale International. Veolia Environment adalah rujukan dunia dalam rumusan-rumusan alam sekitar; Dassault Systemes, iaitu syarikat 3DEXPERIENCE, memberikan pandangan maya bagaimana untuk

membayangkan inovasi berkekalan kepada perniagaan dan manusia manakala Technip adalah peneraju dunia dalam pengurusan projek, kejuruteraan dan pembinaan bagi industri tenaga.

Dassault Systemes pada masa ini sedang bekerjasama dengan universiti-universiti di Malaysia bagi menyampaikan pengalaman kejuruteraan kepada para pelajar Malaysia.

Dassault Systemes juga adalah syarikat dibelakang perisian CATIA yang diguna oleh industry aeroangkasa, automotif, pembinaan kapal dan industri-industri lain bagi melaksanakan pembangunan rumit hingga ke tahap butiran. Dassault Systemes berharap dapat menyalurkan sebahagian daripada sejarah gemilangnya dan teknologi canggih bagi menyumbang ke arah menyediakan dimensi mendalam daripada segi latihan praktikal kepada bakal-bakal graduan kita, membantu mereka kepada masa depan dan bersedia daripada segi perdagangan.

Selain daripada Program Kerjasama Rafale dan kejayaan kerjasama antara syarikat Perancis dan Malaysia, para peserta juga diperkenalkan kepada pesawat pejuang Rafale pada seminar tersebut. Sebagaimana Rafale International terus mengumpul pendapat, maklum balas dan meluaskan rangkaianannya untuk melakukakan penambahbaikan kepada seminar peluang perniagaannya, para peserta seminar melihatnya sebagai suatu komitmen dari Rafale International.

Rafale International adalah sebuah syarikat usahasama merangkumi peneraju aeroangkasa Dassault Aviation, Thales dan Snecma (Safran Group), yang menawarkan pesawat pejuang pelbagai peranan Rafale kepada Tentera Udara Diraja Malaysia dalam kerangka projek pesawat pejuang MiG 29.

Rafale International akan terus mengadakan seminar seumpamanya di Malaysia bagi mempelawa lebih banyak syarikat tempatan untuk menjadi sebahagian daripada Rangkaian Kecemerlangan Rafale di Malaysia. Butiran mengenai seminar peluang perniagaan akan datang boleh diperolehi di www.rafalemalaysia.com.

###

Mengenai Rafale International

Rafale International merupakan sebuah usahasama (G.I.E Groupement d'Intérêt Economique) yang ditubuhkan oleh Dassault Aviation, Snecma (Kumpulan Safran) dan Thales bagi mempromosikan pesawat pejuang Rafale kepada pelanggan-pelanggan antarabangsa. Tiga rakan kongsi tersebut adalah peneraju utama antarabangsa dalam bidang aeroangkasa dan pertahanan dengan lebih daripada 135,000 kakitangan dan perolehan sebanyak 28 bilion Euros.